



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Kos Keseluruhan LPBS Dikurangkan Kepada RM18.8
Bilion Di Bawah Kaedah Konvensional - Lim

☐ Selasa, Feb 11 2020☐ ☐

KUALA LUMPUR, 11 FEB --Kos keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (LPBS) telah dikurangkan sebanyak RM3.1 bilion kepada RM18.8 bilion menerusi kaedah konvensional berbanding RM21.9 bilion di bawah kaedah rakan pelaksana projek (PDP).

Dalam satu kenyataan hari ini, Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata kaedah PDP membabitkan kos pembinaan sebanyak RM16.5 bilion manakala kaedah konvensional berjumlah RM16.1 bilion.

“Sesetengah pihak telah mempersoalkan bagaimana kos penjimatan adalah RM3.1 bilion sedangkan kos asal bukanlah RM21.9 bilion tetapi RM16.5 bilion.



"Ini berikutan mereka sengaja mengelirukan dengan menyatakan kos pembinaan RM16.5 bilion sebagai kos keseluruhan projek LPBS tanpa mengambil kira kos-kos lain," katanya.

Lim berkata anggaran kos keseluruhan projek LPBS dengan kaedah konvensional berjumlah RM18.8 bilion telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada tahun lepas.

"Di bawah model PDP, kos keseluruhan untuk melaksanakan projek LPBS bukan sahaja melibatkan kos pembinaan, tetapi juga bayaran kepada syarikat PDP termasuk bayaran imbuhan balik dan bayaran yuran PDP (5.5 peratus daripada kos pembinaan)," katanya.

Lim berkata kos pembinaan projek LPBS yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu sebanyak RM16.5 bilion bukanlah kos keseluruhan projek yang perlu ditanggung kerajaan.

"Kos-kos lain yang tidak dinyatakan adalah termasuk kos imbuhan balik PDP, kos yuran PDP, kos kontingensi, kos pengambilan balik tanah serta kos jurutera perunding bebas yang meningkatkan jumlah keseluruhan kos asal projek tersebut kepada RM21.9 bilion," katanya.

-- BERNAMA



☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data